

Warga PSP derma 318 pain darah



Kakitangan hospital memeriksa keadaan penderma darah sempena kempen yang dijalankan di Kompleks Sukan PSP.

BUKIT MERTAJAM - Seramai 318 kakitangan dan penuntut Politeknik Seberang Perai (PSP) menyertai kempen derma darah bagi membantu pesakit yang memerlukan.

Pengaruhnya, Zulkifli Ariffin berkata, sambutan positif warga PSP menjadikan program yang berlangsung sepanjang hari itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

"Kakitangan Hospital Seberang Jaya dan Hospital Sungai Petani banyak membantu memastikan kempen ini berjalan lancar, sekali gus menggalakkan golongan muda un-

tuk menderma.

"Usaha ini memang dimulakan sejak 2010 melalui pengisian program yang dijalankan di sini bagi menampung keperluan Bank Darah Hospital Pulau Pinang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program Derma Darah dan Merentas Kampus Bersama Mutiara FM di Kompleks Sukan PSP.

Dalam pada itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) turut menyalurkan bantuan 130 'netbook' 1Malaysia kepada penuntut yang layak.

Beliau berkata, bantuan terabit dapat memastikan penuntut dapat menggunakan kemudahan teknologi yang disediakan bagi membantu meningkatkan pemahaman di dalam sesi pembelajaran.

"Selain keperluan penuntut yang dititikberatkan, program ini menjadi platform untuk mahasiswa mencari peluang untuk menyambung pengajian di PSP mahupun di tempat lain."

"Justeru, kami dapat membantu membimbing memastikan arah tuju mereka untuk melanjutkan pengajian," katanya.

21.3.13 *khamis* *Suror* *ms 40*